

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IV)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

22. Penglibatan golongan wanita dalam Badan Berkanun Kerajaan (GLC), Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan agensi Kerajaan Negeri masih kurang. Apakah pelan tindakan untuk menarik lebih ramai penglibatan wanita dan berikan peratus terkini wanita dalam agensi Kerajaan Negeri dan GLC?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Penglibatan golongan wanita di semua peringkat amatlah penting dalam pembangunan negara. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik.

Untuk meningkatkan penglibatan golongan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dasar sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam MPKK menjelang tahun 2021. Dasar yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2017 menetapkan tiga (3) sasaran iaitu minimum satu (1) wanita dalam MPKK pada tahun 2017, tiga (3) wanita pada tahun 2019 dan lima (5) wanita menjelang tahun 2021. Hasil daripada pengenalan dasar tersebut, sebanyak 76 JKKK (25.3 %) daripada keseluruhan MPKK yang berdaftar di Pulau

Pinang telah mencatatkan lima (5) dan lebih jumlah perwakilan wanita dalam struktur JKKK.

Untuk membina kapasiti lebih ramai wanita berkhidmat dalam MPKK, Penang Women's Development Corporation (PWDC) menganjurkan bengkel-bengkel kepimpinan dan pemerkasaan wanita.

Manakala untuk meningkatkan peningkatan wanita dalam syarikat Kerajaan Negeri (GLC), terutamanya di peringkat pembuat keputusan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Keterangkuman Gender telah mencadangkan agar sekurang-kurangnya 30% daripada ahli-ahli lembaga disandang oleh wanita.

Peratus bilangan wanita dalam Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dan syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan/Agensi Negeri – 29.06%
- (ii) Syarikat Kerajaan Negeri – 43.20%

Peratusan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan lelaki kerana kebanyakan anggota kerja dalam kumpulan pelaksana adalah terdiri daripada lelaki seperti pekerja am rendah, pengawal keselamatan dan pemandu.